

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]**  
**TARIKH : 26.3.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana pelajar-pelajar disediakan untuk Bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus bagi SPM bermula 2016 dan sama ada Kementerian akan membenarkan sekolah aliran Inggeris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid khususnya apabila dasar wajib lulus bahasa Inggeris bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula pada 2016. Antara usaha KPM yang dilaksanakan adalah:

- i. Melaksanakan SPM *English Language Initiatives* di sekolah *hotspot* (Band 3 hingga 7);
- ii. Meneruskan pelaksanaan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris; dan
- iii. Melaksanakan program English Teaching Assisstant (ETA).

Di samping itu, di peringkat Sekolah Menengah juga pengukuhan penguasaan Bahasa Inggeris di tahap menengah rendah dilaksanakan di Tingkatan 1 melalui Sistem Set yang memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah berfokus kepada tahap profisiensi murid. Murid-murid juga dikehendaki membaca buku Bahasa Inggeris melalui Komponen Sastera Bahasa Inggeris (KOMSAS) yang mendedahkan murid kepada buku bacaan Bahasa Inggeris dari pelbagai genre. Melalui KOMSAS murid diberi ruang berbincang, memberi pendapat, menyelesaikan masalah dan berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penekanan dalam penguasaan Bahasa Inggeris juga ditumpukan mulai peringkat sekolah rendah lagi, Antara program yang dilaksanakan adalah;

1. Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris telah bermula di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan mereka ditempatkan dalam kumpulan khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya mereka dapat menguasai literasi Bahasa Inggeris.
2. Sastera Kontemporari Kanak-Kanak diajar kepada murid-murid supaya mereka didedahkan kepada teks sastera fiksiyen dan penggunaan Bahasa Inggeris yang estetik. Selain itu, pembelajaran sastera membawa keseronokan pembelajaran dalam bilik darjah dan ini dengan secara tidak langsung akan menguatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.
3. Penambahan waktu belajar Bahasa Inggeris Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR)

### **Tahap I**

Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan (SK) ditambah sebanyak 60 minit seminggu, dari 240 minit (KBSR) ke 300 minit (KSSR). Peruntukan masa Bahasa Inggeris di Tahap 1 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 60 minit (KBSR) ke 150 minit (KSSR).

### **Tahap II**

Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan (SK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 210 min (KBSR) ke 300 min (KSSR). Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 90 min (KBSR) ke 180 min (KSSR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KPM masih belum bercadang membenarkan sekolah aliran Inggeris. KPM yakin melalui program-program yang telah, sedang dan akan dijalankan di bawah Dasar Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.